

16 SEP 2002

CUKAI-KORPORAT/I

PENGURANGAN CUKAI KORPORAT JADIKAN PERBELANJAAN AWAM LEBIH CEKAP

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Penurunan kadar cukai korporat daripada 28 peratus kepada 26 peratus mungkin terdapat di dalam Belanjawan 2003, yang dijangka mementingkan pelabur dan menjadikan perbelanjaan awam lebih cekap, kata seorang perunding cukai.

Pengarah eksekutif Tax Advisory and Management Services Sdn Bhd (TAMS), Yong Poh Chye berkata, kerajaan patut menurunkan kadar tertinggi cukai korporat secara beransur-ansur dalam tempoh beberapa tahun kerana ini akan menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dalam menarik pelaburan langsung asing (FDI).

Oleh kerana kadar cukai korporat yang lebih rendah akan mengurangkan kos modal, katanya, kerajaan boleh juga menurunkan kadar cukai kepada 24 peratus pada tahun 2004 dan sebanyak 2.0 peratus lagi dalam tahun 2005 bagi memperkenalkan rejim cukai yang lebih menggalakkan bagi perniagaan.

Yong memberitahu Bernama bahawa Singapura akan menurunkan kadar cukai korporatnya daripada 22 peratus tahun ini kepada 20 peratus pada tahun 2005.

Malaysia perlu mengambil langkah-langkah yang terus menggalakkan syarikat-syarikat multinasional melabur dan mempertingkatkan peranan dalam sektor swasta, katanya.

"Penurunan kadar cukai korporat boleh menjimatkan berjuta-juta ringgit bagi syarikat-syarikat perniagaan di Malaysia," katanya sambil menegaskan bahawa penurunan cukai korporat Singapura kepada 20 peratus menjelang tahun 2005 dijangka menjimatkan kira-kira S\$700 juta setahun bagi perniagaan-perniagaan dan republik itu.

Yong berkata, walaupun penurunan cukai korporat sebanyak satu peratus pada umumnya akan mengurangkan pendapatan kerajaan sebanyak RM500 juta, namun ini boleh diimbangi dengan mengurangkan subsidi petroleum oleh kerajaan yang dikatakan berjumlah RM6 bilion setahun.

Kerajaan boleh memperluaskan liputan cukai-cukai jualan dan perkhidmatan bagi membolehkan cukai korporat diturunkan ke tahap lebih rendah lagi.

Katanya, kerajaan boleh mengamalkan sistem pencukaian korporat satu tahap di mana cukai-cukai yang dipungut daripada keuntungan syarikat adalah yang terakhir manakala dividen yang diisytiharkan akan dikecualikan cukai.

Kerja-kerja pentadbiran cukai syarikat akan menjadi mudah dengan sistem satu tahap ini dan ia tidak perlu bimbang tentang pendapatan yang boleh dikenakan cukai jika ia mengisytiharkan dividen, kata Yong.

Pada masa ini, Malaysia menggunakan sistem imputasi di mana syarikat-syarikat yang berupaya mengisytiharkan dividen kepada pemegang-pemegang saham mestilah tahu jumlah kredit cukai yang mereka ada dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Yong berkata, syarikat-syarikat terpaksa memeriksa baki kredit mereka dengan LHDN di bawah sistem imputasi, kerana syarikat itu perlu membayar kepada LHDN caj seksyen 108 jika cukai dipotong daripada "franked dividends" melebihi baki kredit.

Jika sistem satu tahap digunakan, katanya, kerajaan boleh menggalakkan syarikat membayar dividen melalui "franked" kredit cukai setakat 31 Disember, 2002, menjadikannya sejajar dengan sistem penilaian sendiri (SAS) bagi syarikat-syarikat dan menggalakkan tahun kalendar dijadikan tahun kewangan.

Sistem cukai korporat satu tahap kini diamalkan di Hong Kong dan akan

dilaksanakan di Singapura mulai tahun depan.

Menyentuh tentang cukai pendapatan persendirian, Yong menegaskan bahawa kadar maksimum bagi cukai korporat dan cukai pendapatan persendirian seharusnya kekal serupa.

Bagaimanapun, katanya, bagi mempertingkatkan kesejahteraan sosial rakyat Malaysia, kerajaan mungkin mahu mengurangkan kadar cukai pendapatan persendirian daripada 28 peratus kepada 26 peratus serta menurunkan kadar cukai bagi semua takat pendapatan.

Katanya, kerajaan patut juga mengurangkan takat-takat pendapatan daripada 11 kepada misalnya lapan.

Menurutnya, pendapatan boleh dikenakan cukai pertama berjumlah RM5,000 patut dikecualikan daripada cukai manakala sebarang pendapatan yang boleh dikenakan cukai melebihi RM150,000 seharusnya dikenakan cukai sebanyak 26 peratus, bukan 28 peratus seperti sekarang.

"Lebih baik lagi, jika kerajaan mempertimbangkan untuk menurunkan kadar maksimum cukai persendirian agar setara dengan kadar cukai korporat yang dicadangkan iaitu sebanyak 24 peratus pada tahun 2004 dan 22 peratus pada tahun 2005," kata Yong.

Atau, katanya, kerajaan boleh mempertimbangkan untuk menaikkan jumlah pelepasan peribadi bagi pembayaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan premium insurans daripada RM5,000 kepada RM7,000 masing-masing bagi suami dan isteri.

Dalam apa yang dipercayai merupakan pembentangan belanjawan akhir Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Menteri Kewangan, Yong berkata, rakyat Malaysia boleh mengharapkan `hadiah-hadiah' lumayan, bermula dengan pembayaran bonus yang lumayan bagi kira-kira 900,000 anggota kerajaan.

Mengulas tentang cukai jualan, Yong berkata, kos-kos seperti pelesenan, pengiklanan dan promosi tidak perlu dimasukkan dalam penilaian barangan buatan tempatan tetapi tidak dimasukkan dalam barangan import.

Beliau melahirkan harapan agar kerajaan akan hanya memperkenalkan satu kaedah penilaian yang boleh digunakan bagi kedua-dua barangan import dan tempatan kerana dengan cara demikian akan menggalakkan pelaburan selanjutnya dalam sektor pembuatan. -- BERNAMA

MR KTC KY OS